

UMS, JHL meterai MoU berhubung penyelidikan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memulakan kerjasama dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah berhubung kegiatan penyelidikan proses biodiversiti dan aekologi dalam ekosistem hutan tropika.

Untuk itu, satu memorandum persefahaman (MoU) akan ditandatangani bersama oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman dan Pengarah Hidupan Liar Sabah Mahedi Andau, di Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin di Lahad Datu, hari ini.

Di bawah perjanjian itu, kedua-dua pihak akan bertukar-tukar kepakaran, latihan dan pelbagai aspek kemudahan kegiatan penyelidikan untuk faedah bersama dalam jangka masa pendek dan panjang.

Upacara menandatangani MoU hari ini juga serentak dengan pelancaran rasmi Ekspedisi Senarai dan Saintifik Tabin 1998 yang dijalankan sejak Februari.

Pada pihak mereka, Jabatan Hidupan Liar akan membenarkan stesen hutan dan pusat-pusat di bawah bidang kuasa mereka digu-

nakan oleh UMS untuk kajian penyelidikan, termasuk Sepilok, Tabin, Kinabatangan dan Kulamba, berhubung ekosistem darat dan laut.

Jabatan itu juga akan memberi latihan praktikal kepada para pelajar UMS berhubung latihan perindustrian.

Sebagai balasannya, UMS akan memberi semua hasil penyelidikan yang boleh digunakan oleh pihak jabatan untuk usaha pengurusan dan perlindungan atau strategi mereka.

Universiti itu juga akan

menyediakan latihan sewajarnya bagi membantu meningkatkan pengetahuan, prestij, kemampuan dan kemahiran kakitangan Jabatan Hidupan Liar.

Pada masa ini, seorang kakitangan jabatan itu sedang melanjutkan pelajaran dalam kursus ijazah di UMS.

Sementara itu, Ekspedisi Senarai dan Saintifik 1998 melibatkan dokumentasi pelbagai spesies flora dan fauna di kawasan seluas 120,000 hektar hutan simpan hidupan liar. Jabatan Hidupan Liar menyediakan kakitangan untuk menjalankan kajian

berhubung tumbuhan hidup manakala Yayasan Sabah akan menyediakan pasukan paramedik untuk berjaga-jaga. Sebelas saintis Jepun dari Muzium Hyogo menyertai rakan mereka di Malaysia dalam ekspedisi itu bagi mengumpul dan mengenalpasti pelbagai spesies tumbuhan dan haiwan, satu kerjasama yang termaktub dalam satu memorandum yang ditandatangani dengan UMS tahun lalu.

Empat orang lagi saintis dari Denmark turut terbabit menerusi pelbagai projek yang disediakan oleh

DANCED.

Para pelajar UMS yang menyertai ekspedisi itu akan menjalankan semua kerja penyelidikan, termasuk kajian serangga, tumbuhan herba dan hutan tropika.

Pameran sedang dijalankan dalam dua fasa, pertama dari 12 hingga 24 Februari, dan yang sedang dijalankan sekarang ini bermula 4 hingga 18 Mac.

Kajian termasuklah tumbuhan tanah rendah dan tanah tinggi, serangga tanah, parasit, ekologi air sungai, burung, mamalia, reptilia, ikan, amfibia dan rama-rama.

12 MARCH 1998
HARIAN EXPRESS